

24 DEC 1998

Mahathir-Krismas

KEADAAN EKONOMI BERANSUR PULIH, SAMBUTAN KRISMAS TETAP MERIAH

KUALA LUMPUR, 24 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata negara kini beransur pulih daripada kegawatan ekonomi yang melanda sejak setahun lalu dan rakyat masih dapat menyambut perayaan Krismas esok dalam keadaan meriah.

Dalam perutusannya bagi mengucapkan "Selamat Menyambut Hari Krismas" kepada rakyat Malaysia beragama Kristian, Dr Mahathir berkata sokongan padu rakyat terhadap langkah-langkah kerajaan untuk mengatasi masalah ekonomi telah mula menampakkan hasil.

"Keadaan negara kita pada umumnya adalah jauh lebih baik daripada sebelum ini," kata beliau.

Perdana Menteri berkata rakyat Malaysia bertuah dan harus berterima kasih kerana sikap toleransi yang mereka amalkan berjaya menguat dan menyatupadukan masyarakat sehingga kegawatan ekonomi dan percubaan mencetuskan rusuhan tidak berjaya meretakkan keharmonian di kalangan rakyat.

"Kita harus ambil iktibar daripada peristiwa di negara-negara lain di mana kegawatan ekonomi telah mencetuskan rusuhan antara penganut-penganut agama yang berbeza.

"Ternampak jelas bahawa tindakan mengurangkan jurang perbezaan pembangunan antara kaum dapat mengurang dengan ketara kemungkinan perhubungan antara kaum menjadi tegang apabila krisis melanda negara."

Dr Mahathir berkata walaupun berlaku kegawatan ekonomi disebabkan serangan terhadap mata wang dan harga pasaran saham, masyarakat Kristian masih dapat menyambut Hari Krismas dalam keadaan meriah.

Rakyat berbilang kaum, agama dan budaya yang mewarnai negara ini dapat berkunjung ke rumah sahabat mereka yang beragama Kristian sepertimana perayaan-perayaan Krismas pada tahun-tahun yang lepas, kata beliau.

Tetapi oleh kerana masyarakat Islam sedang berpuasa, mereka tidaklah dapat menjamu selera walaupun mereka masih boleh melawat sahabat mereka untuk mengucap selamat.

"Kunjung-mengunjung semasa hari-hari perayaan dapat merapatkan hubungan antara kaum dan agama dan menolong mengekalkan keamanan di negara ini," kata Dr Mahathir.

"Saya dan isteri mengucapkan Selamat Menyambut Hari Krismas kepada semua rakyat Malaysia beragama Kristian."

-- BERNAMA